



Ruj. Kami: PPS.01/02/40(43)

Tarikh: 8 Julai 2010
25 Syaaban 1431H

Setiausaha Penaja
Persatuan/Kelab.

Tuan,

SIJIL KELULUSAN PENDAFTARAN BADAN SUKAN

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana pihak Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, Persatuan/Kelab tuan/puan telah didaftarkan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997. Dengan kelulusan pendaftaran ini maka Ahli Jawatankuasa Induk badan sukan berkenaan hendaklah mentadbir badan sukan ini mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Pesuruhjaya Sukan sebagaimana keterangan di bawah:

- a) Jawatankuasa Penaja badan sukan ini hendaklah mengadakan mesyuarat agung pertama bagi membuat pemilihan Ahli Jawatankuasa Induk Tetap (mengikut tempoh yang telah diperuntukkan dalam perlembagaan badan sukan ini) dalam tempoh setahun bermula dari tarikh sijil pendaftaran badan sukan ini dikeluarkan,
- b) Mentadbir dan mengurus badan sukan ini mengikut perlembagaan badan sukan yang telah ditetapkan,
- c) Mengemukakan Maklumat Yang Kena Diberi (MYKB) kepada Pejabat Pesuruhjaya Sukan setiap tahun (Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Bil. 1/2008),
- d) Memohon kepada Pesuruhjaya sekiranya ingin meminda perlembagaan badan sukan (Surat Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Bil. 1/1999), dan
- e) Memohon kepada Menteri untuk membuat tawaran menjadi tuan rumah bagi pertandingan atau acara sukan bertaraf antarabangsa (Surat Pekeliling Pesuruhjaya Sukan Bil. 1/1998).

"1 BELIA 1 MALAYSIA"




PERLEMBAGAAN PERSATUAN PELAYARAN NEGERI SABAH

FASAL 1. NAMA

Badan Sukan ini dikenali dengan nama Persatuan Pelayaran Sabah / Sabah Sailing Association atau ringkasnya disebut sebagai SAIL'A di dalam Perlembagaan ini.

Badan sukan ini bertindak sebagai wakil negeri Sabah diperingkat kebangsaan bagi sukan Pelayaran.



FASAL 2. ALAMAT DAN TEMPAT URUSAN

2.1 Alamat Berdaftar

Alamat berdaftar Persatuan Pelayaran Sabah ialah di C-2-3 Plaza Tg Aru 1, 88100 Tanjung Aru, Kota Kinabalu, Sabah.

2.2 Alamat berdaftar ini tidak boleh diubah tanpa kelulusan Jawatankuasa Induk Persatuan dan hanya boleh dikuatkuasakan setelah mendapat kebenaran bertulis daripada **Pesuruhjaya Sukan Malaysia**. *Perubahan alamat berdaftar hendaklah dimaklumkan kepada badan induk*

FASAL 3. DEFINISI

3.1 **PERSATUAN** bermakna Persatuan Pelayaran Sabah

3.2 **MESYUARAT AGUNG TAHUNAN** bermakna mesyuarat yang **wajib** diadakan oleh Persatuan ini pada tiap-tiap tahun seperti yang disebutkan dalam Fasal 13.2 perlembagaan ini.

3.3 **MESYUARAT AGUNG DWI TAHUNAN** bermakna mesyuarat yang **wajib** diadakan oleh Persatuan ini pada setiap dua (2) tahun. Bagi tahun semasa yang telah diadakan Mesyuarat Agung Dwi Tahunan, mesyuarat ini juga dianggap sebagai Mesyuarat Agung Tahunan.

3.4 **JAWATANKUASA INDUK** bermakna jawatankuasa tertinggi yang mentadbir perjalanan persatuan dan hendaklah mempunyai kuasa eksekutif dalam menggubal dan melaksanakan dasar-dasar persatuan yang disebut dalam Fasal 16 perlembagaan ini.



- 3.5 **JAWATANKUASA** bermakna Jawatankuasa yang sah dibentuk atau dilantik di bawah Perlembagaan ini mengikut Fasal 18.
- 3.6 **PEJABAT** bermakna alamat berdaftar Persatuan seperti yang ditetapkan dalam Fasal 2 Perlembagaan ini.
- 3.7 **AHLI PERSATUAN** bermakna ahli yang disebutkan dalam Fasal 6 Perlembagaan ini.
- 3.8 **PESURUHJAYA** bermakna Pesuruhjaya Sukan yang dilantik di bawah Seksyen 10 Akta Pembangunan Sukan 1997

FASAL 4. OBJEKTIF DAN FUNGSI

4.1 Objektif Persatuan adalah:

- i. Untuk mempromosi, menggalak dan membangunkan sukan Pelayaran di negeri Sabah.
- ii. Untuk merancang dan membangunkan atlet, pegawai, jurulatih dan mencungkil bakat-bakat baru.
- iii. Untuk memilih atlet bagi mewakili negeri Sabah dalam mana-mana pertandingan sukan Pelayaran di peringkat kebangsaan.
- iv. Mewakili negeri Sabah dalam badan pengelola yang diiktiraf bagi mewakili sukan Pelayaran

4.2 Fungsi Persatuan adalah:

- i. Bertindak sebagai badan sukan negeri yang mengendali, mempromosi dan mengurus sukan di negeri Sabah
- ii. Bertindak sebagai badan Kawalselia (badan perwakilan / badan kawalselia) negeri bagi sukan Pelayaran yang mengurus, menafsir dan melaksana peraturan dan undang-undang sukan di negeri Sabah melalui kuasa, tugas dan hak yang diperuntukkan oleh badan pemantauan tertinggi kebangsaan termasuk urusan pengiktirafan, penggantungan dan pembatalan keahlian.
- iii. Mempromosi dan mewujudkan kesedaran ke atas kepentingan peraturan dan undang-undang sukan Pelayaran dikalangan ahli yang terbabit.



- iv. Mengendali kursus dan latihan, pembangunan atlet, kejurulatihan, kepegawaian dan sukarelawan.
- v. Menganjur atau membantu penganjuran dan menjadi tuan rumah pertandingan bagi sukan Pelayaran diperingkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.
- vi. Menyelesaikan isu-isu dan konflik yang dirujuk melibatkan ahli termasuk ahli gabungan dan ahli-ahli badan sukan.
- vii. Untuk mengekalkan hubungan baik dan kedudukan baik dengan badan pengelola dan pengawalseliaan bagi sukan Pelayaran.
- viii. Untuk memastikan prosedur pemilihan bagi ahli sukan, pegawai, jurulatih dan mana-mana orang lain untuk mewakili negeri Sabah dalam sukan Pelayaran adalah terbuka dan adil.
- ix. Untuk memastikan bahawa setiap program dan aktiviti hendaklah berlandaskan Perlembagaan ini dan peraturan-peraturan dibawahnya.
- x. Untuk memastikan akaun teraudit sepenuhnya serta laporan tentang segala aktiviti, penggunaan dan perbelanjaan semua wangnya bagi tahun kewangan Persatuan yang sebelumnya, dikemukakan kepada Pesuruhjaya Sukan berserta dengan apa-apa laporan lain yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya Sukan.
- xi. Untuk memastikan bahawa Perlembagaan dan kaedah-kaedah Persatuan dipatuhi dan diikuti oleh semua ahli.
- xii. Menjalankan sebarang kegiatan amal atau sebarang jenis perniagaan untuk tujuan menambah kewangan Persatuan, asalkan tidak bercanggah dengan undang-undang negara.
- xiii. Semua wang keuntungan yang diperolehi oleh Persatuan daripada penyertaannya dalam mana-mana perniagaan atau pelaburan akan digunakan semata-mata untuk melanjutkan, memajukan dan menjalankan objektif dan matlamat Persatuan ini. Sungguhpun begitu, peruntukan ini tidak menghalang sebarang pembayaran yang dibuat dengan tujuan baik untuk membayar gaji atau perbelanjaan atau keduanya kepada sebarang ahli atau pekerja Persatuan ini. Persatuan juga



- ... boleh menubuhkan Badan Perniagaan dan boleh memiliki harta benda dengan syarat keuntungan hendaklah dimasukkan ke dalam Tabung Kewangan Persatuan.
- xiv. Untuk menjalankan aktiviti tanpa diskriminasi tentang jantina, ras, warna kulit, agama, asal-usul, bahasa, kecenderungan politik atau apa-apa pandangan lain yang dipegang oleh anggota

FASAL 5. LOGO / LAMBANG
Tidak berkenaan

FASAL 6. KEAHLIAN

Keahlian Persatuan ini terbuka kepada warganegara Malaysia dan terbahagi kepada empat (4) kategori seperti berikut:

6.1 Ahli Gabungan

Terdiri dari persatuan-persatuan sukan Pelayaran di peringkat daerah yang sah berdaftar di Pejabat Pesuruhjaya Sukan dan boleh mengundi serta diundi.

6.2 Ahli Individu


Terdiri daripada ahli-ahli individu yang tidak melebihi lima (5) orang yang dilantik oleh Jawatankuasa Induk Persatuan dan tidak boleh mengundi dan diundi.

6.3 Ahli Bersekutu

Terdiri dari persatuan, kelab dan pertubuhan yang menjalankan berbagai kegiatan sukan selain dari sukan Pelayarandan berdaftar secara sah di sisi undang-undang tetapi tidak boleh mengundi dan diundi.

6.4 Ahli Kehormat

Individu-individu yang pernah berjasa kepada Persatuan atau individu-individu yang boleh memberi sumbangan kepada persatuan yang dilantik oleh Jawatankuasa Induk Persatuan tetapi tidak boleh mengundi dan diundi.



FASAL 7. YURAN KEAHLIAN

Setiap ahli baru hendaklah membayar yuran pendaftaran dan tahunan kepada Persatuan seperti berikut :-

BIL.	JENIS KEAHLIAN	YURAN PENDAFTARAN	YURAN TAHUNAN
1.	Ahli Gabungan	RM 200.00	RM 50.00
2.	Ahli Individu	RM 100.00	RM 24.00
3.	Ahli Bersekutu	RM 100.00	RM 24.00
4.	Ahli Kehormat	TIADA	TIADA

7.1 Yuran tahunan hendaklah dibayar tidak lewat dari 1 Februari tiap-tiap tahun kepada Bendahari. Sekiranya yuran itu tidak dibayar, ahli yang berkenaan tidak boleh menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan dan tidak boleh mengundi dan diundi.

7.2 Kegagalan untuk menjelaskan yuran tahunan dalam tempoh satu tahun menyebabkan keahliannya terbatal.

7.3 Sekiranya ahli yang telah dibatalkan keahliannya ingin menjadi ahli semula, beliau dikehendaki untuk mengemukakan permohonan baru dengan menyertakan bayaran yuran pendaftaran, yuran tahunan dan penalti sebanyak RM 200.00. Permohonan ini tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Induk.

7.4 Sekiranya ahli yang telah dibatalkan keahliannya ingin menjadi ahli semula, beliau dikehendaki untuk mengemukakan permohonan baru dengan menyertakan bayaran yuran pendaftaran, yuran tahunan dan penalti sebanyak RM 200.00. Permohonan ini tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Induk.

FASAL 8. PERMOHONAN MENJADI AHLI

8.1 Semua permohonan menjadi ahli hendaklah dibuat secara bertulis dengan mengisi borang dan dikemukakan kepada Setiausaha. Keputusan untuk



terima menjadi ahli mesti ditentukan oleh Jawatankuasa Tertinggi sekiranya cukup korum atau oleh Mesyuarat Agung.

8.2 Sekiranya permohonan menjadi ahli ditolak oleh Jawatankuasa Tertinggi atau Mesyuarat Agung, notis yang mengandungi sebab penolakan hendaklah dikemukakan kepada pemohon.

FASAL 9. KEISTIMEWAAN DAN HAK AHLI

9.1 Tiap-tiap ahli Persatuan dibenarkan menyertai dalam segala kegiatan yang dianjurkan oleh Persatuan ini.

9.2 Setiap ahli Persatuan berhak menerima dengan percuma satu salinan Perlembagaan Persatuan sekali sahaja semasa pendaftaran.

9.3 Mengakui dan bersetuju:-

- i. Semua peraturan dan undang-undang termasuk perlembagaan badan sukan ini, peraturan-peraturan kecil, amalan terbaik dan Akta berkaitan diterimapakai dan mereka tertakluk dan terikat kepadanya.
- ii. Mematuhi dan mengikuti segala keputusan, ketetapan, peraturan, amalan terbaik dan undang-undang berkaitan yang dibuat oleh jawatankuasa-jawatankuasa termasuk Jawatankuasa Induk atau pengurusan badan sukan sendiri, badan penyelarasan dan badan pemantauan peringkat Malaysia dan antarabangsa, Pejabat Pesuruhjaya Sukan Malaysia dan Menteri Belia dan Sukan Malaysia.
- iii. Mereka tertakluk kepada bidang kuasa badan sukan.
- iv. Segala peraturan dan undang-undang berkaitan adalah perlu untuk mencapai matlamat dan objektif badan sukan.

9.4 Semua ahli berhak menggunakan kemudahan dan premis badan sukan melalui kaedah yang ditetapkan.



FASAL 10. HAK MENGUNDI DALAM MESYUARAT AGUNG

10.1 Ahli Gabungan

Semua ahli gabungan yang membayar yuran sebelum 1 Februari adalah berhak untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan dan berhak menghantar 3 orang wakil ke Mesyuarat Agung Tahunan dan juga boleh mengundi dan diundi dalam mesyuarat tersebut. Nama-nama wakil ahli gabungan yang dipilih bagi menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah disampaikan secara bertulis kepada Setiausaha sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan.

10.2 Ahli Individu

Semua Ahli Individu yang membayar yuran tahunan sebelum 1 Februari tahun tersebut adalah berhak untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan dan boleh mengundi dan diundi dalam mesyuarat tersebut.

10.3 Ahli Bersekutu

Ahli bersekutu tidak berhak mengundi dan diundi tetapi boleh menghantar 2 orang wakil bagi menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan sebagai pemerhati.

10.4 Ahli Kehormat

Ahli Kehormat tidak berhak mengundi dan diundi tetapi boleh menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan sebagai pemerhati

FASAL 11. DISIPLIN AHLI

11.1 Jawatankuasa Tatatertib dinasihat atau mempertimbangkan tuduhan keatas ahli :-

- i. telah melanggar, gagal, enggan, atau tidak peduli untuk mematuhi mana-mana peraturan dan perundangan termasuk gagal memenuhi komitmen sebagai ahli sepertimana Fasal 9.3.



- ii. bertindak secara tidak wajar atau memudaratkan kepada badan sukan dan kepentingannya; dan tidak selari dengan matlamat badan sukan dan sukan itu sendiri.
- iii. membawa keaiban kepada ahli badan sukan, sukan itu sendiri dan negara.

11.2 Jawatankuasa Tatatertib boleh memulakan atau memanggil, prosiding disiplin terhadap ahli, dan ahli tertakluk dan menyerahkan sepenuhnya kepada bidang kuasa, prosedur disiplin dan penalti dan mekanisme-mekanisme rayuan seperti tertera dalam perlembagaan badan sukan dan dokumen berkaitan.

FASAL 12. PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

- 12.1 Mana-mana ahli Persatuan yang membuat permohonan bertulis untuk berhenti menjadi ahli dan permohonannya itu diluluskan oleh Jawatankuasa Induk Persatuan adalah dianggap sebagai telah berhenti menjadi ahli Persatuan.
- 12.2 Setiap ahli atau Persatuan yang didapati menjalankan sesuatu kegiatan yang bertentangan dengan Perlembagaan Persatuan bolehlah dipecat atau digantung keahliannya bagi sesuatu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa Tatatertib. Sebelum tindakan sedemikian ahli itu hendaklah diberikan surat tunjuk sebab. Pemecatan atau penggantungan itu hendaklah berkuatkuasa dari tarikh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tatatertib. Ahli yang berkenaan boleh mengemukakan rayuan kepada Jawatankuasa Induk dalam tempoh masa empat belas (14) hari dari tarikh keputusan Jawatankuasa Tatatertib. Jawatankuasa Induk mempunyai kuasa sama ada untuk menerima, menolak atau membuat apa-apa keputusan yang lain berhubung dengan rayuan tersebut dan keputusan



Jawatankuasa Induk adalah muktamad.

FASA 13. MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

13.1 Mesyuarat Agung Tahunan adalah badan yang tertinggi dan menyeluruh bagi Persatuan ini berdasarkan kepada objektif dan matlamatnya.

13.2 Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diadakan tidak lewat dari tarikh 31 Mac atau dalam tempoh 3 bulan selepas berakhir kewangan tiap-tiap tahun pada tarikh dan tempat yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Induk.

13.3 Kegagalan mengadakan mesyuarat agung perlu dirujuk kepada PPS untuk lanjutan masa

13.4 Notis Mesyuarat Agung

- i. Notis Mesyuarat Agung sebanyak dua (2) kali iaitu empat puluh lima (45) hari dan sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari dari tarikh notis dipos hendaklah diberikan secara bertulis oleh Setiausaha kepada semua ahli gabungan.
- ii. Notis pertama itu hendaklah menyatakan hari, masa, tarikh dan tempat berserta laporan.
- iii. Notis kedua itu hendaklah disertakan dengan agenda mesyuarat bersama-sama dengan semua salinan dokumen yang dinyatakan dalam agenda tersebut termasuk pencalonan jika ada.

13.5 Penetapan tarikh, hari, masa, tempat dan agenda hendaklah dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk dan dinyatakan didalam Notis Mesyuarat

13.6 Usul

- i. Semua usul yang hendak dibawa kedalam Mesyuarat Agung Tahunan



perlu dikemukakan secara bertulis kepada Setiausaha sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan.

- ii. Jika usul ditolak, usul tersebut tidak boleh dikemukakan semula, mahupun usul baru yang mempunyai maksud yang sama hanya boleh dikemukakan semula dalam tempoh selepas enam (6) bulan pada Mesyuarat Agung yang berikutnya.

13.7 Korum

- i. Korum bagi Mesyuarat Agung hendaklah tidak kurang dari satu perdua (1/2) daripada bilangan keahlian yang layak mengundi.
- ii. Sekiranya korum tidak mencukupi selepas satu (1) jam dari masa yang ditetapkan, maka Mesyuarat itu hendaklah ditunda kepada tarikh baru dalam tempoh tiga puluh (30) hari.
- iii. Sekiranya korum masih tidak mencukupi pada tarikh baru mesyuarat itu, maka ahli-ahli yang hadir bolehlah meneruskan mesyuarat tetapi tidak berkuasa untuk meminda perlembagaan.

13.8 Penangguhan Mesyuarat Agung

- i. Di dalam Mesyuarat Agung yang mempunyai korum, Pengerusi boleh dengan persetujuan dua pertiga (2/3) daripada Ahli Mesyuarat yang berhak mengundi, menangguh mesyuarat kepada masa dan tempat yang lain.
- ii. Tiada agenda dan ketetapan atau keputusan baru boleh dibincangkan selain dari apa yang telah dinyatakan dalam agenda. Ia hanya untuk menyelesaikan agenda mesyuarat terdahulu yang masih belum selesai.
- iii. Jika mesyuarat ditangguh melebihi 30 hari (hari 31 dan keatas) notis mesyuarat baru hendaklah dikeluarkan sama seperti notis asal. Sekiranya tidak maka tidak perlu mengeluarkan notis penangguhan atau perkara-perkara untuk dibincangkan dalam mesyuarat yang



ditangguhkan itu.

13.9 Pengendalian Mesyuarat Agung

Apa-apa persoalan yang berbangkit semasa mesyuarat agung berkaitan dengan agenda mesyuarat, prosedur dan tatacara pengendalian mesyuarat hendaklah dirujuk kepada pengerusi mesyuarat yang keputusannya adalah muktamad.

13.10 Kaedah Mengundi dan Keputusan.

- i. Sebarang keputusan atau ketetapan yang memerlukan pengundian, undian hendaklah dibuat dengan mengangkat tangan; atau
- ii. Menggunakan kertas undian tertutup jika diminta oleh:-
 - a) Presiden dengan persetujuan majoriti Ahli Mesyuarat; atau
 - b) 50% daripada ahli Mesyuarat yang berhak mengundi.
- ii. Keputusan hendaklah diisytiharkan oleh Presiden sebaik sahaja proses pengiraan selesai dan hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat.

13.11 Setiausaha hendaklah menghantar kepada ahli minit mesyuarat agung tahunan yang belum disahkan dalam 30 hari setelah selesai mesyuarat itu

13.12 Setiausaha juga hendaklah menghantar kepada Pesuruhjaya Sukan dalam tempoh tiga puluh (30) hari setelah selesai mesyuarat perkara-perkara seperti berikut:

- i) minit mesyuarat agung
- ii) laporan aktiviti
- iii) laporan kewangan
- iv) senarai ahli jawatankuasa terkini

FASAL 14. TUGAS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah mengandungi agenda-agenda berikut :-

- i. Menerima dan mengesahkan minit Mesyuarat Agung tahun sebelumnya;
- ii. Menerima dan meluluskan Laporan Jawatankuasa berkenaan kegiatan



- persatuan sepanjang tahun sebelumnya;
- iii. Menerima dan meluluskan laporan Bendahari dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun sebelumnya;
 - iv. Pemilihan Ahli Jawatankuasa Induk (sekiranya ada); dan
 - v. Hal-hal lain yang berkaitan.
 - vi. Sekiranya gagal melaksanakan agenda i,ii,iii diatas Mesyuarat Agung itu terbatal.

FASA 15. MESYUARAT AGUNG KHAS

15.1 Mesyuarat Agung Khas boleh diadakan dalam keadaan berikut:

- i. bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa atau dengan kehendak Presiden; atau
- ii. atas permintaan ahli secara bertulis oleh tidak kurang daripada separuh (1/2) daripada jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menyatakan tujuan-tujuan dan sebab-sebabnya.

15.2 Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat.

15.3 Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan kepada semua ahli-ahli oleh Setiausaha sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk bermesyuarat.

15.4 Korum Mesyuarat Agung Khas adalah sama dengan korum Mesyuarat Agung. Sekiranya korum tidak mencukupi selepas setengah (1/2) jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi mesyuarat itu maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan pada hari, masa dan tempat yang sama pada minggu berikut atau pada hari, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Presiden dan jika korum masih tidak mencukupi pada mesyuarat yang ditangguhkan itu selepas setengah jam daripada masa yang ditetapkan maka mesyuarat itu terbatal.



15.5 Tidak boleh diadakan pemilihan dalam Mesyuarat Agung Khas.

FASA 16. JAWATANKUASA INDUK

16.1 Jawatankuasa Induk Persatuan hendaklah terdiri daripada :-

- i) seorang(1) Presiden ;
- ii) seorang Timbalan Presiden;
- iii) seorang setiausaha
- iv) seorang bendahari
- v) enam (6) orang Ahli Jawatankuasa biasa .

16.2 Penolong Setiausaha dan Penolong Bendahari dan seorang (1) wakil setiap daerah bolehlah dilantik oleh Presiden dengan persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa selepas Mesyuarat Agung Tahunan tetapi mereka tidak mempunyai hak mengundi dan diundi.

16.3 Pemegang-pemegang jawatan dalam Jawatankuasa Induk dan dalam Jawatankuasa-Jawatankuasa yang lain hendaklah :-

- i) berumur lapan belas (18) tahun ke atas;
- ii) bukan seorang yang muflis;
- iii) tidak pernah dikenakan tindakan disiplin oleh mana-mana badan sukan dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu;
- iv) tidak disabitkan kesalahan jenayah atau sivil denda tidak kurang daripada RM5000 dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu; dan
- v) sempurna akal.

16.4 Mana-mana pemegang jawatan yang disabitkan dengan sesuatu kesalahan di Mahkamah atas pertuduhan jenayah hendaklah terlucut jawatannya dengan serta-merta.

16.5 Sekiranya terdapat kekosongan jawatan presiden disebabkan penjawat jawatan telah melepaskan jawatan ataupun telah meninggal dunia, maka calon yang mendapat undi kedua terbanyak di dalam Mesyuarat Pemilihan



yang lepas adalah dengan tersendiri layak untuk memegang jawatan tersebut serta dipersetujui oleh persatuan. Jika calon yang demikian tidak ada ataupun menolak tawaran jawatan itu, maka pemilihan bagi mengisi kekosongan tersebut perlu dibawa ke dalam mesyuarat agung yang akan datang.

FASA 17. TUGAS-TUGAS JAWATANKUASA INDUK

- 17.1 Melantik Pengerusi Jawatankuasa-Jawatankuasa.
- 17.2 Menguatkuasakan dasar-dasar dan keputusan Mesyuarat Agung Tahunan atau Khas.
- 17.3 Mengurus dan mentadbir Persatuan secara teratur.
- 17.4 Merancang, melaksana dan menilai program dan aktiviti.
- 17.5 Mengkaji dan meluluskan perbelanjaan pentadbiran dan program-program yang diluluskan.
- 17.6 Meluluskan peraturan-peraturan baru atau yang dipinda untuk di bahas dalam Mesyuarat Agung Tahunan atau khas.
- 17.7 Menimbang rayuan keputusan Jawatankuasa Tatatertib bagi ahli-ahli Persatuan.
- 17.8 Memantau dan menentukan ahli-ahli gabungan mematuhi perlembagaannya dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh badan ini.
- 17.9 Melantik dan mengisi mana-mana jawatan kosong yang bergaji.
- 17.10 Membangun dan merangka pelan strategik pembangunan sukan Pelayarandi Malaysia secara menyeluruh dan dilaksanakan pada setiap peringkat sama ada kebangsaan, negeri, daerah dan kelab.
- 17.11 Mengambil tindakan disiplin terhadap mana-mana penyandang jawatan
- 17.12 Menimbang permohonan menjadi ahli Persatuan.
- 17.13 Menyelesaikan apa-apa pertikaian yang tidak dapat diselesaikan atau perkara- perkara berkaitan dikalangan ahli gabungan, pemegang jawatan dan ahli-ahli.
- 17.14 Merujuk apa-apa pertikaian yang tidak boleh diselesaikan diperingkatnya atau yang mempunyai kepentingan negara atau yang berkaitan dengan pentafsiran dokumen tertentu kepada badan gabungannya.



17.15 Menyelesaikan konflik dalaman ahli gabungan.

17.16 Mematuhi dan melaksanakan arahan yang dicadangkan oleh Pesuruhjaya Sukan Malaysia.

FASAL 18. JAWATANKUASA-JAWATAN KUASA

18.1. Jawatankuasa Kewangan.

18.2. Jawatankuasa Pembangunan.

18.3. Jawatankuasa Teknikal.

18.4. Jawatankuasa Pemilihan.

18.5. Jawatankuasa Pertandingan.

18.6. Jawatankuasa Tatatertib.

18.7. Jawatankuasa Wanita

18.9 Lain-lain jawatankuasa

FASA 19. TUGAS AHLI JAWATANKUASA INDUK

19.1. **Presiden**

Presiden dalam masa jawatannya hendaklah menjadi Pengerusi dalam semua mesyuarat Jawatankuasa Induk dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat

19.2 **Timbalan Presiden**

Timbalan Pengerusi hendaklah membantu Presiden melaksanakan tanggungjawab menguruskan pentadbiran Persatuan. Dia hendaklah memangku dan melaksanakan tanggungjawab Presiden selama ketiadaan Presiden

19.3 **Setiausaha**

Setiausaha bertanggungjawab dalam segala pengurusan dan pentadbiran Persatuan mengikut Perlembagaan dan menjalankan arahan-arahan Mesyuarat Agung atau Jawatankuasa Induk. Beliau bertanggungjawab mengenai surat-menyurat, menyimpan semua buku-buku, surat-surat dan kertas-kertas kecuali buku kira-kira dan buku kewangan. Dia hendaklah hadir dalam semua mesyuarat dan membuat catatan-catatan mesyuarat.



19.5 **Bendahari**

Bendahari hendaklah membuat kutipan yuran keahlian dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas ketepatannya.

19.6 **Ahli Jawatankuasa**

Ahli Jawatankuasa hendaklah menguruskan Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Fasal 18 dan menjalankan tugas seperti yang diarahkan oleh Presiden

19.6.1 **Tugas Pengerusi Jawatankuasa-Jawatankuasa**

i. **Jawatankuasa Kewangan**

Pengerusi Jawatankuasa ini hendaklah menguruskan semua mesyuarat Jawatankuasa dan melantik Ahli Jawatankuasanya. Tugas utama Jawatankuasa ini ialah mencari sumber pendapatan Persatuan seperti tajaan, bantuan dari kerajaan, derma atau cara-cara lain yang sah dari segi undang-undang Persatuan dan undang-undang negara.

ii. **Jawatankuasa Pembangunan**

Pengerusi Jawatankuasa ini hendaklah menguruskan semua mesyuarat Jawatankuasa dan melantik Ahli Jawatankuasanya. Tugas utama Jawatankuasa ini ialah menganjurkan program-program pembangunan dan latihan serta termasuk pembangunan pegawai dan jurulatih.

iii. **Jawatankuasa Teknikal**

Pengerusi Jawatankuasa ini hendaklah menguruskan semua mesyuarat Jawatankuasa dan melantik Ahli Jawatankuasanya. Tugas utama Jawatankuasa ini ialah melibatkan hal-ehwal kepegawaian teknikal sukan ini.

iv. **Jawatankuasa Pemilihan**

Pengerusi Jawatankuasa ini hendaklah menguruskan semua



mesyuarat Jawatankuasa dan melantik Ahli Jawatankuasa nya. Tugas utama Jawatankuasa ini ialah memilih pemain-pemain untuk diperakukan kepada Jawatankuasa induk bagi mewakili Persatuan dalam sukan pelayaran dalam pertandingan-pertandingan .

v. Jawatankuasa Pertandingan

Pengerusi Jawatankuasa ini hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Jawatankuasa dan melantik Ahli Jawatankuasanya. Tugas utama Jawatankuasa ini ialah mengelolakan pertandingan-pertandingan di peringkat Negeri.

vi. Jawatankuasa Tatatertib

Pengerusi Jawatankuasa ini hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib dan melantik Ahli Jawatankuasanya. Tugas utama Jawatankuasa ini ialah untuk memutuskan kes-kes berhubung salah laku ahli termasuk individu dan pemegang jawatan; dan menentukan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi oleh pihak yang telah dikenakan tindakan.

Vii. Jawatankuasa Wanita

Pengerusi Jawatankuasa ini hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Jawatankuasa Wanita. Tugas Jawatankuasa ini ialah untuk menjaga kepentingan wanita dalam badan sukan.

FASAL 20. MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK

20.1 Jawatankuasa Induk hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali di dalam masa **tiga (3)** bulan. Notis bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli-ahli tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat. Presiden dengan bersendirian atau tidak kurang daripada satu pertiga ahli jawatankuasa bersama-sama boleh memanggil supaya diadakan Mesyuarat Jawatankuasa Induk pada bila-bila masa.



20.2 Korum mesyuarat Jawatankuasa Induk hendaklah tidak kurang daripada (1/2) satu perdua daripada bilangan Ahli Jawatankuasa Induk.

FASAL 21. KEWANGAN

21.1 Sumber kewangan Persatuan boleh diperoleh melalui :-

- i) yuran tahunan dan penalti kemasukan semula;
- ii) derma dan tajaan;
- iii) Bantuan dari kerajaan atau badan-badan yang dibenarkan ;
- iv) hasil-hasil perniagaan Persatuan; dan
- v) sumber-sumber lain yang dibenarkan oleh undang-undang negara.

21.2. Pendapatan Persatuan yang diperoleh hendaklah digunakan bagi tujuan mencapai objektif dan matlamat Persatuan dan ahli-ahlinya seperti yang disebut dalam Perlembagaan ini.

21.3 Semua cek atau baucer pembayaran persatuan hendaklah ditandatangani oleh **Bendahari dan Presiden atau Setiausaha** .

21.4. Perbelanjaan yang lebih daripada **RM 1,000** bagi sesuatu masa tidak boleh dibayar tanpa kelulusan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Induk.

21.5 Perbelanjaan kurang daripada **RM 1,000** bagi sesuatu masa boleh dibayar tanpa kelulusan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Induk.

21.6 Bendahari boleh menyimpan wang tunai tidak lebih daripada **RM 1,000** dalam sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mesti dimasukkan ke dalam akaun Persatuan.

21.7 Perbelanjaan melebihi daripada **RM 10,000** bagi sesuatu masa hendaklah



- mendapat kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Khas
- 21.7 Penyata dari hal wang diterima dan dibelanjakan berserta Lembaran Imbangan bagi setahun hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Juruaudit dalam tempoh tiga puluh (30) hari setelah tamat tahun kewangan. Penyata kira-kira yang diaudit hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan yang berikutnya.
- 21.8 Tahun kewangan Persatuan ini ialah dari **1 Januari hingga 31 Disember** pada tiap-tiap tahun.

FASAL 22. JURU AUDIT

- 22.1 Dua orang yang bukan Ahli Jawatankuasa Induk boleh dilantik semasa Mesyuarat Agung sebagai Juruaudit. Mereka akan memegang jawatan selama 1 tahun dan boleh dilantik semula. Tugas Juruaudit ialah membuat pemeriksaan terhadap penyata kewangan Persatuan dan membuat laporan dan pengesahan penyata-penyata yang berkaitan dengan kewangan.
- 22.2 Mesyuarat Agung boleh juga melantik Firma Audit yang bertauliah bagi menjalankan kerja-kerja auditan Persatuan sekiranya perlu.

FASAL 23. EKSPLOITASI, PENDERAAN , DISKRIMINASI DAN GANGGUAN SEKSUAL.

Persatuan dan ahli persatuan ini termasuk individu, pegawai, pemegang jawatan, jurulatih dan atlet, bertanggungjawab menjamin dan mengamal pentadbiran yang adil dan saksama ke atas gender atau bangsa, tiada eksploitasi terhadap wanita dan kanak-kanak; dan kawalan terhadap sebarang bentuk gangguan termasuk gangguan fizikal, emosi dan seksual.

FASAL 24. INSURAN DAN PERUBATAN

Ahli persatuan atau atlet yang mengambil bahagian dalam sebarang kejohanan, pertandingan sama ada di dalam atau di luar negara hendaklah dilindungi oleh



insuran yang dibiayai dan diuruskan oleh persatuan.

FASAL 25. TAFSIRAN UNDANG-UNDANG

Jawatankuasa Induk boleh memberi tafsiran terhadap perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam perlembagaan ini sekiranya perlu.

FASAL 26. PERTIKAIAN DALAMAN

Adalah menjadi tugas Jawatankuasa Tatatertib dengan kerjasama Jawatankuasa Induk Persatuan untuk menyelesaikan apa-apa pertikaian yang timbul di kalangan anggotanya, mengikut prosedur dalaman yang ditetapkan dalam peraturan-peraturannya. Jika perlu pertikaian boleh dibawa sehingga ke peringkat badan pengelola untuk penyelesaian.

FASAL 27. PENAUNG ATAU PENASIHAT

- 27.1. Jawatankuasa Induk Persatuan boleh juga melantik orang-orang yang layak menjadi penaung atau penasihat bagi Persatuan ini, sekiranya perlu.
- 27.2. Penaung atau Penasihat tidak mempunyai kuasa dalam pentadbiran persatuan dan juga tidak boleh membuat undian dalam sebarang keputusan serta tidak boleh membuat undian melantik Ahli Jawatankuasa Induk.

FASAL 28. PINDAAN PERLEMBAGAAN

- 28.1 Perlembagaan ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan **Mesyuarat Agung Tahunan** atau **Mesyuarat Agung Khas**.
- 28.2 Permohonan untuk membuat perubahan atau pindaan kepada Perlembagaan hendaklah dikemukakan kepada Pesuruhjaya Sukan Malaysia dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh keputusan mesyuarat yang memutuskan perihal perubahan atau pindaan tersebut. Perubahan atau pindaan kepada Perlembagaan ini tidak boleh dikuatkuasakan selagi tidak mendapat kelulusan Pesuruhjaya Sukan Malaysia.



- 28.3 Pesuruhjaya Sukan Malaysia boleh mengarahkan mana-mana badan sukan meminda perlembagaannya bila ada keperluan untuk berbuat demikian.

FASAL 29. LARANGAN

- 29.1 Segala bentuk perjudian dan aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan Undang-undang Malaysia adalah dilarang dilakukan dalam mana-mana premis Persatuan.
- 29.2 Persatuan tidak boleh terlibat dalam mana-mana kegiatan politik atau parti politik, atau bergabung atau mengadakan hubungan dengan apa jua parti politik dan menggunakan nama Persatuan dalam apa jua isu-isu politik.

FASAL 30. PEMBUBARAN

- 30.1 Persatuan ini boleh dibubarkan dalam Mesyuarat Agung yang khusus untuk tujuan ini dan dengan keputusan oleh dua pertiga(2/3) daripada ahli Persatuan.
- 30.2 Sekiranya Persatuan ini hendak dibubarkan secara yang disebut di atas, maka segala hutang dan tanggungan Persatuan yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan oleh persatuan dan baki wang atau harta benda (aset) yang tinggal hendaklah diserahkan kepada **Jabatan Insolvensi Malaysia**.
- 30.3 Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pesuruhjaya Sukan Malaysia di dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pembubaran itu.

11.1 Jawatankuasa Tatatertib dinasihat atau mempertimbangkan tuduhan keatas ahli :-

- iv. telah melanggar, gagal, enggan, atau tidak peduli untuk mematuhi mana-mana peraturan dan perundangan termasuk gagal memenuhi komitmen sebagai ahli sepertimana Fasal 9.3.

